

U 8171 DEB

MAHATHIR-YAKIN

KUCHING, 30 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BARISAN NASIONAL AKAN MENCAPAI KEMENANGAN BESAR PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI BERDASARKAN SOKONGAN YANG DITUNJUKKAN OLEH RAKYAT KEPADA KERAJAAN WAKTU INI.

KATANYA BELIAU MEMBUAT PENILAIAN HASIL BERKEMPEN DI BEBERAPA NEGERI SEJAK HARI PENAMAAN CALON.

+GAMBARAN YANG ADA SEKARANG MENUNJUKKAN BANYAK KALANGAN RAKYAT TELAH MEMBUKTIKAN SOKONGAN MERKA KEPADA KERAJAAN BN,+ KATANYA KEAPDA PARA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG KUCHING SEBELUM BERLEPAS KE PEPAK UNTUK MENERUSKAN KEMPEN PILIHAN RAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PENGERUSI BN TIBA DI SINI PETANG SEMALAM BERSAMA-SAMA DENGAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH KERANA MERASMIKAN SEBATANG JALAN DI SIMUNJAN.

BELIAU BERKATA PADA MULANYA GAMBARAN MENGENAI +PERASAAN RAKYAT+ TERHADAP SOKONGAN MERKA KEPADA KERAJAAN AGAK SAMAR-SAMAR. -- LAGI.
1040MST 30 07 86

0869

U 8172 DEB

MAHATHIR-YAKIN 2 KUCHING

+IA KINI MENJADI LEBIH CERAH DAN NAMPAKNYA BN BOLEH MENDAPAT KEMENANGAN LEBIH DUA PERTIGA,+ KATANYA.

BN TELAH PUN MEMENANGI ENAM KERUSI PARLIMEN DAN LAPAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI TANPA BERTANDING PADA HARI PENAMAAN CALON.

KESEMUAANYA ADA 177 KERUSI PARLIMEN DAN 351 DEWAN UNDANGAN NEGERI.

PENGUNDIAN AKAN DIJALANKAN PADA 2 DAN 3 OGOS UNTUK KERUSI PARLIMEN SAJA DI SABAH DAN SARAWAK DAN PADA 3 OGOS UNTUK KAWASAN PARLIMEN DAN NEGERI DI NEGERI-NEGERI LAIN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DI SARAWAK, BN JUGA MAMPU +MENYAPU BERSIH+ KESEMUA 24 KERUSI PARLIMEN SEKIRANYA CALON-CALON SERTA PENYOKONG-PENYOKONGNYA BEKERJA KERAS.

+SELAIN ITU, PERPADUAN YANG ADA SEKARANG DI KALANGAN MERKA HARUS DIKELALKAN KE ARAH MENERUSKAN SOKONGAN MERKA KEAPDA KERAJAAN BN,+ KATANYA.

-- LAGI.

1044MST 30 07 86